

Headline	<b>Patuhi etika berkempen</b>
Date	<b>11. Apr 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>6</b>
Article Size	<b>115 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# Patuhi etika berkempen

Oleh NIZAM YATIM

**BANGI** 10 April – Calon-calon yang berkempen pada pemilihan peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) UMNO perlu mematuhi segala tataetika yang telah ditetapkan oleh parti.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (**gambar**) berkata, langkah itu adalah penting bagi memastikan pemilihan parti dapat dijalankan dengan lancar.

"Saya setuju dengan cadangan membenarkan kempen ini kerana pemimpin parti politik mesti pandai berkempen," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Pengajian Tinggi mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin

semalam bahawa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan parti semalam bersetuju calon yang bertanding di semua peringkat pemilihan parti tahun ini dibenarkan berkempen.

Muhyiddin berkata, langkah itu adalah bagi membolehkan ahli di peringkat akar umbi mengenali perwatakan dan kewibawaan calon bertanding agar mereka dapat memilih pemimpin terbaik.

Pemilihan bagi peringkat Majlis Tertinggi (MT) akan diadakan dari 16 hingga 12 Disember ini manakala pemilihan cawangan dari 17 Julai hingga 24 Ogos manakala bahagian dari 9 Oktober hingga 9 November.

Menurut Mohamed Khaled, saranan supaya semua calon parti mematuhi tataetika parti adalah selaras dengan kempen ketika pilihan raya yang juga mempunai pantang larang yang perlu diikuti.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata,



kementeriannya akan memastikan sasaran untuk mewujudkan 40,000 pekerja berpengetahuan dalam bidang bioteknologi menjelang tahun 2011 dapat dicapai.

Menurutnya, terdapat sebanyak lapan institusi pengajian tinggi (IPT) yang kini menawarkan kursus bioteknologi.

"Setiap IPT mempunyai pengkhususan masing-masing seperti UKM dalam bidang biologi tumbuhan dan segala fasiliti akan dikongsi bersama bagi menjimatkan kos," ujarnya.

Kelmarin, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, sasaran yang ditetapkan kerajaan itu sukar dicapai kerana kekurangan tenaga pengajar dan fasiliti.